

Sinar Harian

Tarikh: 22/7/2014

Hari: SELASA M/S: 60

Ruangan: SUKANI

# Skwad belia MISC-MIFA tumpas

Pasukan Kedah bawah 19 tahun terus catat kemenangan



FOTO PERSATUAN BOLASEPAK KEDAH

Pasukan Kedah bawah 19 tahun terus menjalani latihan dan menghadapi perlawanan persahabatan yang merupakan sebahagian daripada persediaan rapi mereka sebelum kejohanan Piala Belia 2014 membuka tirai.

**ALORSETAR**-Kemenangan terus dicatatkan pada perlawanan persahabatan oleh pasukan Kedah bawah 19 tahun dan terbaru menewaskan skuad belia India Malaysia (MISC-MIFA) bawah 19 tahun 2-0 di Padang Sintetik Peremba, dekat sini.

Pasukan itu akhirnya berjaya menemui lawan yang berjaya memberi saingan sengit memandangkan sebelum ini mereka berjaya mencatatkan kemenangan besar pada setiap siri perlawanan persahabatan.

Pasukan muda yang bakal membawa harapan Kedah

ke kejohanan Piala Belia 2014 di Melaka bermula 18 Ogos hingga 3 September ini terus mendapat suntikan motivasi dalam usaha melakukan kejutan di sana.

Rangka persiapan perlawanan persahabatan terus diatur dan terbaru mereka akan menghadapi Perlis bawah 19 tahun yang dijadualkan pada 23 Julai di Stadium Mini Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok.

Sebelum ini, Lang Merah muda berjaya menewaskan El Nuevo FC 6-0, mengalahkan PSA Advance FC 6-0 dan menjinakkan Suriyo

Thai FC 7-1.

Semua perlawanan ini berjaya membuka ruang buat ketua jurulatih, Victor Andrag menguji keserasian semua pemainnya sebelum saingan sebenar membuka tirai.

Seperti yang dijelaskan oleh Pengurus mereka, Haris Che Mat sebelum ini, Kedah bawah 19 tahun akan hadir sebagai sebuah pasukan yang akan memberi saingan sengit kepada lawan mereka dan hal ini telah dibuktikan dengan susunan jadual perlawanan persahabatan yang padat sepanjang Julai.